

Kefahaman Guru tentang Konsep *Maqāṣid al-Shari'ah* dan KBAT dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Pendidikan Islam: Satu Analisis Preliminari

BITARAVolume 4, Issue 4, 2021: 197-215
© The Author(s) 2021
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>

Teachers 'Understanding of The Concepts of *Maqāṣid al-Shari'ah* and HOTS in The Standard Curriculum and Assessment Document (DSKP) of Islamic Education: A Preliminary Analysis

Mohd Nizam Mokhtar, Ridzwan Ahmad, Raihana Abdul Wahab¹

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk menilai kesahan dan kebolehpercayaan instrumen dan konstruk yang tekah digunakan dalam kajian. Kajian ini terdiri daripada dua konstruk, iaitu konstruk kefahaman guru tentang konsep maqāṣid al-shari'ah dalam DSKP Pendidikan Islam dan konstruk KBAT dalam DSKP Pendidikan Islam. Kajian ini dijalankan di sembilan buah Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) terpilih seluruh Negeri Melaka. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif sepenuhnya. Responden kajian terdiri daripada 30 orang Guru Pendidikan Islam (GPI) berdasarkan pecahan zon mengikut majlis perbandaran kerajaan tempatan telah dipilih menggunakan kaedah pensampelan pelbagai peringkat. Data diperoleh melalui borang soal selidik yang dibahagi kepada tiga bahagian, iaitu Bahagian A berkaitan dengan demografi responden. Bahagian B berkaitan dengan kefahaman guru terhadap konsep maqāṣid al-shari'ah dalam DSKP Pendidikan Islam. Manakala bahagian C pula berkaitan dengan kefahaman guru tentang KBAT dalam DSKP Pendidikan Islam. Semua konstruk dan item yang terlibat telah melalui tiga peringkat pengesahan semasa ujian pra (pre-test), iaitu kesahan kandungan (content validity), kesahan muka (face validity) serta kesahan skala (measurement validity) yang telah dijalankan oleh tiga orang panel pakar. Peringkat terakhir dalam fasa preliminari ialah ujian pilot (pilot test). Analisis normaliti data dilaksanakan menggunakan nilai skewness, kurtosis, dan P-P plot sebelum digunakan di lapangan sebenar. Data diproses menggunakan IBM SPSS versi 21 untuk melihat nilai cronbach's alpha (α) dan analisis normaliti data. Nilai skewness bagi semua item kajian berada pada 0.68 dan nilai kurtosis berada pada -1.12. Kedu-dua indikator ini menunjukkan nilai skewness dan kurtosis berada dalam julat ± 2.5 , manakala nilai (α) berada pada tahap 0.95 bagi kedua-dua konstruk yang diuji. Secara keseluruhannya konstruk kefahaman konsep maqāṣid al-shari'ah dalam DSKP Pendidikan Islam berada pada tahap tinggi (min = 4.32) dan konstruk kefahaman KBAT dalam DSKP Pendidikan Islam juga berada pada tahap tinggi (min = 4.33) yang digunakan oleh pengkaji pada

¹ Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (UM), 50603 Kuala Lumpur, MALAYSIA. Email: nizammokhtar1721@gmail.com; ridzwan@um.edu.my; raihanawahab@um.edu.my

Corresponding Author:

RIDZWAN AHMAD, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (UM), 50603 Kuala Lumpur, MALAYSIA.

*e-mel: ridzwan@um.edu.my

peringkat preliminari. Oleh itu, kedua-dua konstruk sah dan boleh dipercayai untuk digunakan dalam kajian sebenar.

Kata kunci:

kesahan, kebolehpercayaan, konsep maqāṣid al-sharī'ah, KBAT, DSKP PI.

Abstract

This study aims to evaluate the validity and the reliability of the instrument and construct used in the study to evaluate teachers' understanding regarding the concept of maqāṣid al-sharī'ah in Islamic Studies DSKP, and the construct of the HOTS. The study was carried out in nine National Secondary School in Melaka. This study is a quantitative study. The respondents of the study consist of 30 local Islamic Studies Teachers (IST) based on the local district zone and they were selected based on multi-level sampling method. The data was gathered from a set of questionnaires that contains 3 sections, section A is the respondents' demographic information, and section B is regarding the teachers' understanding regarding the concept of maqāṣid al-sharī'ah in the Islamic Studies DSKP. Meanwhile, section C is regarding the teachers' understanding on HOTS in Islamic Studies DSKP all constructs, and items were tested in three level validity tests, which are the pre-test, to test the content validity, face validity, and measurement validity and all tests were carried out by three expert panels. The last phase for the preliminary test was the pilot test. Normality test was carried out using the values of skewness, kurtosis, and P-P plot, before the instrument was carried out in the actual test field. The data was processed using IBM SPSS version 21 to determine the cronbach's alpha (α) value and the result of the normality data analysis. The value of skewness for all items was determined at 0.68 and the value of kurtosis was determined at -1.12. Both indicators showed that the values of skewness and kurtosis were in the range of ± 2.5 , and the (α) value was determined at 0.95 for both constructs. Overall, the construct for the understanding of the concept of maqāṣid al-sharī'ah in Islamic Studies DSKP was valued at high level (min = 4.32) and the construct for understanding HOTS in Islamic Studies DSKP was also valued as high level (min = 4.33) and both constructs were used in the preliminary study. It was concluded that both construct are valid and reliable to be used in the actual test field.

Keywords:

validity, reliability, concept of maqāṣid al-sharī'ah, KBAT, DSKP PI

Cite This Article:

Mohd Nizam Mokhtar, Ridzwan Ahmad, Raihana Abdul Wahab. 2021. Kefahaman guru tentang konsep Maqāṣid al-Sharī'ah dan KBAT dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Pendidikan Islam: Satu analisis preliminari. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 4(4): 197-215.

Pengenalan

Perbincangan tentang *maqāṣid al-sharī'ah* semakin berkembang pesat sejak akhir-akhir ini, terutamanya sejak kebangkitan pemikiran *maqāṣidi* yang dikenali sebagai *nahdah al-fikr al-maqasidi* yang diasaskan dan dipelopori oleh pelbagai tokoh pemikiran *maqāṣid* (Umar, 2003). Antaranya seperti al-Juwayni, al-Ghazali, al-Razi, Ibn 'Abd al-Salam, al-Shatibi dan sebagainya ('Abdul Qadir, 2005). Pemikiran *maqāṣid* bukan merupakan pemikiran yang baru dalam dunia kesarjanaan Islam, bahkan ia merupakan pemikiran yang telah lama wujud dalam dunia ilmu umat Islam. Ilmu *maqāṣid al-sharī'ah* sebenarnya telah diamalkan secara tidak langsung bersama-sama dengan ilmu *usul al-fiqh*. Malah ilmu *maqāṣid al-sharī'ah* sebenarnya diasaskan oleh Imam al-Shafi'e, seterusnya dikerangkakan oleh Imam al-Juwayni melalui

kitabnya *al-Burhan*. Walau bagaimanapun pemikiran ilmu tersebut lebih diterima pakai dalam ilmu *usul fiqh* berbanding cabang ilmu lain, khususnya pendidikan (Mohd Nizam dan Ridzwan, 2018). Hal ini menunjukkan bahawa perbincangan tentang ilmu *maqāṣid al-sharī'ah* ini bukan merupakan ilmu yang baru, tetapi ia merupakan asas kepada ilmu moden yang hangat dibincangkan hari ini termasuklah ilmu Kemahiran Berfikir secara Kreatif dan Kritis (KBKK) serta Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT).

KBAT merupakan kemahiran mengorganisasikan pemikiran berdasarkan keupayaan untuk menghurai, menterjemah, mencipta, merefleksi dan menghubungkan kaitkan ilmu yang dipelajari dengan situasi semasa. Penekanan KBAT dalam sistem pendidikan negara adalah lanjutan daripada pelaksanaan kemahiran berfikir secara Kritis dan Kreatif (KBKK) yang telah dilaksanakan bermula tahun 1983 (Mohd Syaubari dan Ahmad Yunus, 2017). Transformasi kurikulum pendidikan telah dilakukan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) (Mohamad dan Nurzatulshima, 2018) dinamakan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM 2013-2025) yang memberi penekanan utama terhadap konsep Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Pendekatan ini diperkenalkan untuk mencapai matlamat utama pendidikan iaitu untuk menghasilkan lebih banyak pelajar yang mempunyai keupayaan kognitif aras tinggi melalui proses pedagogi secara pembelajaran aktif di dalam Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) guru (Mohamad Nurul dan Nurzatulshima, 2018).

Pernyataan Masalah Kajian

Mutakhir ini, menyaksikan ilmu *maqāṣid al-sharī'ah* mula dibincangkan secara meluas oleh para ilmuwan, ahli politik dan pembuat dasar negara, selain mula mendapat tempat dalam perbincangan kalangan masyarakat awam. Berdasarkan kajian lepas, didapati pengetahuan berkaitan *maqāṣid al-sharī'ah* ini bukanlah satu perkara yang baru dalam sistem pendidikan di Malaysia, tetapi ia tidak diberi tempat yang sewajarnya sebagai medium ilmu kognitif yang perlu dikuasai oleh semua, khususnya pelajar dan guru yang mengajar.

Pendedahan tentang *maqāṣid al-sharī'ah* ini hanya berlaku di peringkat Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dan Institut Perguruan Guru (IPG) sahaja. Ia tidak melibatkan semua peringkat pendidikan. Pelaksanaan kursus Pendidikan Islam di IPG yang mengintegrasikan kesemua unsur-unsur kehidupan bersifat semasa menggabungkan unsur teknologi dan isi kandungan kurikulum yang memenuhi keperluan *maqāṣid al-sharī'ah* dengan pendidikan umum (Farah Farhana dan Mohd Anuar, 2018). Keadaan ini menunjukkan hanya IPT dan IPG sahaja yang ingin meletakkan ilmu *maqāṣid al-sharī'ah* tanpa disertai oleh sekolah. Sepatutnya ia bermula di peringkat sekolah menengah lagi. Kesenambungan ilmu dan penambahan pengetahuan akan berlaku di kalangan pelajar yang akhirnya akan dibawa masuk ke dalam masyarakat. Oleh itu, pelajar tidak akan mengalami kejutan ilmu *maqāṣid al-sharī'ah* apabila mereka berdepan dengan ilmu tersebut ketika di IPT atau IPG.

Hasil daripada penelitian dan pembacaan pengkaji terhadap Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT), didapati pengetahuan berkaitan KBAT bukanlah merupakan perkara yang baru dalam sistem pendidikan di Malaysia dan perbincangan dalam kalangan sarjana pendidikan khususnya. Menurut Shah (1997), walaupun program pelaksanaan kemahiran berfikir dalam pengajaran merentasi semua kurikulum mata pelajaran telah dilancarkan semenjak tahun 1994

lagi, namun pelaksanaannya dalam PdPc di sekolah masih kurang berkesan. Pencapaian ujian *Programme for International Students Assessment* (PISA) pada tahun 2009 dan 2012, menunjukkan kemahiran berfikir rakyat Malaysia masih rendah. Menurut Chew (2017), PISA diwujudkan untuk menilai literasi bacaan, matematik dan sains dalam kalangan pelajar yang berumur 15 tahun.

Selain daripada itu, dapatan ini dikukuhkan lagi dengan laporan daripada perunding *Kestrel Education* dari England dan *21st Century School* dari Amerika Syarikat pada tahun 2011, menyatakan bahawa pemikiran aras tinggi dalam kalangan guru dan murid di Malaysia masih rendah (KPM, 2012). Menurut laporan PPPM 2013-2015, menyatakan salah satu punca pelajar tidak dapat menjawab soalan KBAT adalah guru kurang menerapkan KBAT dalam PdPc mereka. Menurut John Arul (1997), keadaan ini berlaku kerana proses PdPc yang menekankan peperiksaan lebih mementingkan kebolehan pelajar mengingat kembali fakta, secara tidak langsung mempengaruhi corak pengajaran guru untuk memberi lebih banyak fakta dan mengutamakan penghafalan dan kurang menggalakkan pelajar untuk berfikir tentang fakta yang dipelajari. Menurut Mohd Syaubari dan Ahmad Yunus (2017), guru yang melaksanakan pengajaran berdasarkan kaedah pedagogi KBAT, ia berupaya meningkatkan kefahaman dan perubahan dalam amalan sikap pelajar terbabit. Selain itu, apabila kefahaman wujud dalam diri pelajar, maka penghayatan terbentuk melalui kerangka yang mantap dan akan kukuh dalam diri pelajar.

Faktor guru dan kurikulum dianggap sebagai faktor yang paling dominan kerana guru memainkan peranan yang penting dalam menentukan kejayaan aspirasi sistem pendidikan negara, manakala kurikulum akan memandu guru agar berada atas landasan sistem. Kualiti pendidikan banyak bergantung kepada kualiti guru yang baik dan kurikulum yang jelas, kerana guru yang baik dan kurikulum yang jelas, penyebab kepada pembelajaran yang menarik dan menepati kehendak sistem pendidikan. Berdasarkan perbincangan tersebut, di dapati pelaksanaan dan pengembangannya dalam PdPc masih kurang berkesan, sebagaimana yang dinyatakan oleh Shah (1997). Di sini jelas menunjukkan kegagalan Malaysia mendapat tempat yang terbaik dalam keputusan PISA dan TIMMS disebabkan tahap kemahiran berfikir pelajar masih rendah, walaupun ia telah diterapkan dalam KBSR dan KBSM seawal tahun 1994 lagi. Pendapat ini turut disokong oleh Yunus *et al.* (2013), menegaskan tahap penguasaan KBAT dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Malaysia sangat rendah. Hal ini disebabkan oleh kegagalan guru membudayakan KBAT semasa proses PdPc.


Menurut Rajendran, kesediaan guru semasa proses PdPc bergantung kepada aspek pengetahuan berkaitan mata pelajaran yang diajar, kemahiran untuk mengajar subjeknya dan sikap yang perlu dimiliki untuk mengajar kemahiran berfikir. Manakala menurut Hussin (2017), mendapati peningkatan pengetahuan guru boleh berlaku apabila guru didedahkan dengan isu berkaitan melalui kursus, bengkel, seminar, persidangan dan forum berkaitan dengan pendidikan. Guru-guru perlu bersedia menerima perubahan serta mampu mengurus perubahan dengan cekap dan berkesan agar PdPc menjadi lebih segar dan memenuhi keperluan murid. Menurut Mohd Musnizam (2012), guru Pendidikan Islam yang berkesan, dikatakan memiliki sifat-sifat yang terpuji, berkemahiran, berilmu, personaliti yang boleh menyampaikan pengajaran yang berkesan dan mampu menjadikan Pendidikan Islam satu mata pelajaran yang diminati serta boleh dihayati oleh pelajar.

Justeru itu, kajian ini akan memberi fokus kepada menganalisis kefahaman guru tentang konsep *maqāṣid al-syari'ah* dan KBAT dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Penaksiran (DKSP) Pendidikan Islam (PI) yang sedang dilaksanakan. Berdasarkan kepada latar belakang masalah kajian tersebut, maka timbul beberapa persoalan kajian iaitu; apakah tahap kefahaman guru tentang konsep *maqāṣid al-shari'ah* dan KBAT secara keseluruhan?. Adakah terdapat perbezaan kefahaman guru tentang konsep *maqāṣid al-shari'ah* dan KBAT mengikut jantina guru?

Objektif Kajian

- i. Mengenal pasti kefahaman guru tentang konsep *maqāṣid al-shari'ah* dan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) mengikut jantina dan lokasi sekolah.
- ii. Menjelaskan kewujudan konsep *maqāṣid al-shari'ah* dan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Penaksiran (DKSP) Pendidikan Islam (PI).

Oleh itu, bagi memastikan objektif kajian tercapai, kerangka konseptual kajian seperti berikut:



Rajah 1: Kerangka Konseptual Kefahaman Guru Tentang Konsep MS dan KBAT dalam PI

Sorotan Kajian Lepas

Hasil daripada pembacaan dan penelitian yang dilakukan oleh pengkaji, banyak kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji dalam bidang PI, sama ada yang berkaitan dengan pedagogi, sukatan pelajaran mahupun kesan PI terhadap disiplin, akhlak pelajar dan sebagainya. Tetapi kajian khusus berkaitan dengan *maqāṣid al-shari'ah* dalam bidang PI berdasarkan DKSP masih belum banyak dilakukan oleh pengkaji. Keadaan ini berlaku berkemungkinan DSKP merupakan sukatan baru yang diperkenalkan oleh KPM bermula tahun 2017 yang lalu. Oleh

itu, wujud kelompangan di dalam kajian lepas yang telah dijalankan oleh pengkaji lain, yang ingin diterokai dan dirungkaikan masalah yang ada oleh pengkaji.

Antara kajian yang telah dijalankan, seperti kajian oleh Zubair et al. (2019), menyentuh tentang Aplikasi *Maqāṣid Syarī'ah* dalam Sistem Pendidikan Di Malaysia: Pembelajaran Abad Ke-21. Kajian tersebut dibuat bertujuan untuk mengkaji aplikasi *maqāṣid syari'ah* dalam sistem yang baru diperkenalkan dalam pendidikan di Malaysia iaitu PAK21. Hasil kajian tersebut mendapati bahawa PAK21 menerapkan elemen dan nilai-nilai murni serta aplikasi *maqāṣid syari'ah* yang baik, khususnya dari aspek *hifz al-aql* iaitu penjagaan akal. Standard Kemahiran, Kurikulum Kebangsaan, Pengurusan Bilik Darjah abad ke-21, serta ciri-ciri Murid PAK21 yang diperkenalkan dilihat adalah bertepatan dengan konsep *maqāṣid syari'ah*. Kajian yang dijalankan hanya berkisar tentang PAK21 serta nilai-nilai murni yang cuba diterapkan hasil daripada mengaplikasikan *maqāṣid syari'ah*, seperti penjagaan akal.

Kajian tersebut berkemungkinan rentetan daripada kajian yang telah dijalankan oleh Rahimi et al. (2006), menyentuh tentang *Pendekatan Baru Maqāṣid Al-Shari'ah Dalam Pengajian Syariah Di Malaysia*. Dalam kajian tersebut mereka menjelaskan bahawa *maqāṣid al-shari'ah* dalam pengajian syariah di Malaysia dan pengenalannya kepada pelajar, perlu dilakukan dan diberi pendedahan kepada pelajar di peringkat awal lagi, iaitu seawal di bangku sekolah. Selain daripada kajian tentang *maqāṣid syari'ah*, pengkaji juga membuat bacaan tentang Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Antaranya seperti kajian Hazwani (2017) yang menyentuh tentang Aplikasi Elemen Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) Dalam Pengajaran Pendidikan Islam Sekolah Rendah. Kajian tersebut dilakukan bertujuan untuk mengetahui sejauh mana tahap pengetahuan dan tahap aplikasi elemen Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) Guru Pendidikan Islam (GPI) di Sekolah Rendah serta faktor demografi yang mempengaruhi tahap aplikasi tersebut dalam pengajaran di Negeri Pahang. Dapatan kajian tersebut mendapati bahawa GPI yang mempunyai tahap pengetahuan elemen KBAT yang tinggi lebih cenderung untuk mengaplikasikan elemen KBAT dalam pengajaran PI.

Selain itu, kajian Nur Aida (2016) juga menyentuh tentang Pengetahuan Guru Pendidikan Islam Mengenai Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dan Strategi Penerapannya Dalam Pengajaran. Kajian tersebut dilakukan bertujuan untuk meneroka pengetahuan GPI yang berpengalaman mengenai konsep dan fokus KBAT serta mengkaji strategi penerapannya dalam pengajaran. Hasil kajian ini menunjukkan terdapat sembilan strategi yang digunakan oleh guru bagi menerapkan KBAT dalam pengajaran. Berbeza dengan kajian yang telah oleh Rahimi et al. (2006) dan Zubair et al. (2019), kajian ini akan menumpukan kepada mengenal pasti kefahaman guru tentang konsep *maqāṣid syari'ah* sahaja bukan *maqāṣid syari'ah* yang lima. Selain itu, kajian ini juga ingin melihat sama ada wujud atau tidak konsep *maqāṣid syari'ah* dalam DSKP Pendidikan Islam. Walaupun kajian tentang KBAT telah dilakukan oleh Hazwani (2017) dan Nur Aida (2016), menunjukkan bahawa guru mempunyai tahap pengetahuan yang baik, tetapi kajian mereka tidak melihat kepada sukatan pelajaran Pendidikan Islam. Perbezaan antara kajian yang ingin dibuat oleh pengkaji dengan tersebut ialah sama ada wujud atau tidak wujud konsep *maqāṣid syari'ah* dan KBAT dalam DSKP. Seterusnya kajian ini juga akan menganalisis faktor demografi yang wujud terhadap responden kajian.

Metodologi

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif secara keratan rentas. Pemilihan responden dalam kajian kuantitatif bergantung kepada tajuk, objektif, persoalan kajian dan hipotesis kajian yang telah ditetapkan oleh pengkaji serta berasaskan prinsip kesanggupan responden yang terlibat dalam kajian ini. Menurut Noraini (2013) penyelidikan kuantitatif mementingkan keobjektifan dalam pengumpulan data berdasarkan andaian bahawa setiap fenomena dalam kehidupan ini dapat diterangkan dengan mengukur elemen-elemen yang terlibat dalam sesuatu kajian. Menurut Lim (2007), antara yang perlu diberi pertimbangan dalam kajian kuantitatif ialah soalan kajian, ciri populasi, masa dan kos terbabit. Disebabkan pengkaji telah menentukan populasi kajian seperti hanya guru Pendidikan Islam yang mengajar di tingkatan 1 atau 2 dan hanya SMK sahaja yang terlibat, maka sampel kajian yang terbaik bagi situasi tersebut ialah *target population* atau mengambil populasi sebagai sampel (Ghazali dan Sufean, 2018).

Teknik kajian meliputi sumber maklumat dan data, kaedah pengumpulan maklumat dan data, kaedah menganalisis maklumat dan data serta instrumen kajian (Fuad, 2017). Sumber maklumat dan data bermaksud dari mana bahan kajian diperoleh. Oleh itu, untuk kajian ini, pengkaji menggunakan data primer iaitu tinjauan, berbentuk soal selidik dan data sekunder. Data primer ialah sumber asal sesuatu maklumat dan bahan kajian diperoleh daripada pemerhatian, banci atau tinjauan yang dipungut terus daripada sumber asal (Fuad, 2017). Manakala data sekunder, ialah data yang telah terkumpul untuk satu-satu tujuan (Yuslina, 2018). Pengumpulan maklumat dan data bermaksud bagaimana kaedah maklumat dan data diperolehi.

Setelah data diperolehi, maklumat dan data perlu dianalisis. Menganalisis maklumat dan data bermaksud bagaimanakah maklumat dan data dianalisis. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah kuantitatif sepenuhnya. Oleh itu, pengkaji akan menggunakan kaedah kajian deskriptif dan inferensi. Statistik deskriptif merupakan statistik asas yang boleh digunakan seperti frekuensi, peratus, min, sisihan piawai dan taburan skor. Manakala statistik inferensi pula, data dikumpul daripada satu sampel yang dipilih secara rawak daripada populasi dan diuji dengan menggunakan statistik. Hasil kajian akan digeneralisasikan kepada seluruh populasi di bawah kajiannya (Chua, 2014). Oleh itu, untuk kajian ini pengkaji menggunakan statistik deskriptif dan inferensi bagi menjelaskan kefahaman guru mengikut jantina dan lokasi sekolah dengan menggunakan min, sisihan piawai serta ujian-*t*. Manakala untuk menentukan kewujudan konsep *maqāṣid al-shari'ah* dan KBAT dalam DSKP pengkaji menggunakan min, dan peratus.

Instrumen Kajian

Instrumen kajian seperti senarai peralatan penyelidikan terdiri daripada borang soal selidik, perisian atau perkakasan seperti peralatan elektronik, perisian atau perkakasan komputer (Fuad, 2017). Memandangkan kajian ini merupakan kajian kuantitatif, maka peralatan penyelidikan yang digunakan ialah borang soal selidik. Penggunaan borang soal selidik membolehkan kita mendapat maklumat yang banyak dengan perbelanjaan yang sedikit (Majid, 2005). Borang soal selidik yang diedar telah diubah suai (*adapt and modify*) atau menerima pakai (*adopt*) instrumen

yang telah dibina oleh penyelidik terdahulu (Zainuddin et al., 2018) serta ada juga yang dibangunkan sendiri oleh pengkaji.

Kesemua item kajian dibahagikan mengikut kontrak yang telah ditetapkan oleh pengkaji menggunakan skala satu hingga lima sahaja atau skala linker (*linkert scale*). Skala tersebut bermula dengan skala satu iaitu Sangat Tidak Setuju (STS), skala dua Tidak Setuju (TS), skala tiga Tidak Pasti (TP), skala empat Setuju (S) dan skala lima mewakili Sangat Setuju (SS). Menurut Zainuddin et al. (2018), semua item yang telah dibangunkan perlu melalui proses ujian pra (*pretest*). Ujian pra (*pre-test*) dilakukan oleh pakar yang ditentukan oleh pengkaji. Secara keseluruhannya, item soal selidik yang digunakan oleh pengkaji terdiri daripada dua sumber, iaitu item yang diadaptasi daripada kajian lepas dan juga item yang dibangunkan sendiri oleh pengkaji. Setelah melalui ujian pra (*pretest*), sebanyak 45 soalan untuk tiga bahagian telah dikenal pasti.

Setelah selesai pembetulan dilakukan mengikut komentar dan cadangan panel pakar, borang tersebut, diserahkan kembali kepada pakar untuk semakan kali kedua. Setelah ujian pra (*pre-test*) kali kedua selesai, pengkaji menguji item yang telah disahkan melalui *pilot test*. Ia bertujuan untuk menilai pemberat faktor setiap item, meneliti komponen-komponen yang terbentuk daripada kombinasi item yang dibina dan juga untuk menilai kebolehpercayaan dalaman (*internal reliability*) instrumen tersebut. Penyelidik menggunakan instrumen yang telah disahkan dalam kajian lapangan (*field study*) (Zainuddin, 2018).

Skop Kajian

Skop kajian menjelaskan ruang lingkup kajian, iaitu sasaran kajian, kawasan kajian dan jangka masa kajian yang dijalankan (Fuad, 2017). Dari segi sasaran kajian, kajian ini hanya akan memberi tumpuan terhadap DSKP Pendidikan Islam (PI) tingkatan 1 dan 2 sahaja yang sedang diguna pakai bermula dari tahun 2017 hingga sekarang di sembilan buah Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) negeri Melaka. Pengkaji memilih SMK kerana tidak ada syarat kemasukan yang khusus seperti mana sekolah-sekolah lain di bawah pengurusan JPNM. Dari segi bilangan guru pula, seramai 43 orang guru yang mengajar PI di tingkatan 1 atau 2 seluruh negeri sahaja dipilih secara rawak berdasarkan nama dan bilangan guru yang diperolehi oleh pengkaji daripada pihak sekolah dan JPNM (Data Pendidikan JPNM, 2019). Memandangkan bulan Januari hingga Mac setiap tahun semua sekolah akan mengadakan sukan merentas desa dan diakhiri dengan acara sukan tahunan sekolah, maka pengkaji memilih untuk menghantar sendiri ke semua SMK yang terpilih bagi tujuan pengedaran borang soal selidik, untuk mengelakkan borang soal selidik tidak sampai ke tangan responden yang hendak dikaji.

Bagi tujuan kajian rintis (*pilot study*), pengkaji telah mengedarkan borang soal selidik kepada sembilan buah Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) seluruh negeri Melaka yang telah dikenal pasti melibatkan tiga buah daerah. Pemilihan responden merangkumi sekolah bandar dan pinggir bandar. Daripada 43 borang soal selidik yang diedarkan, hanya 32 borang yang lengkap dijawab dikembalikan kepada pengkaji atau kira-kira 74% sahaja. Hanya 30 set borang sahaja yang digunakan dalam kajian rintis (*pilot study*), sebagaimana pandangan Chua (2014), Marohaini (2013), Mohd Syaubari dan Ahmad (2018). Mengenai bilangan responden yang diperlukan untuk menjalankan kajian rintis (*pilot study*), tiada kata sepakat dikalangan

sarjana. Menurut Creswell (2005) dan Yuslina (2018) mencadangkan seramai 15 peserta bagi setiap 100 sampel yang bakal dikaji dalam kajian rintis (*pilot study*) ini. Manakala menurut Chua (2014), Marohaini (2013), Mohd Syaubari dan Ahmad (2018), responden dalam kajian rintis (*pilot study*) biasanya kira-kira 30 orang responden, kurang daripada kajian sebenar. Manakala menurut Gorsuch (1983) kurang dari 100 orang. Tetapi bagi Dermott dan Sarella (1996) pernah menggunakan tidak kurang daripada 20 orang. Forza (2002) menyatakan 15 orang, Hair dan rakan-rakan (2003) menetapkan 5-30 orang sahaja. Bagi memastikan matlamat tersebut dapat dicapai, pengkaji telah menjalankan kajian rintis ke atas 43 orang responden, tetapi yang mengembalikan semula borang soal selidik seramai 32 orang sahaja. Data yang digunakan untuk ujian rintis (*pilot study*) adalah seramai 30 orang responden sahaja. Bilangan ini adalah mencukupi bagi sesuatu kajian dalam bidang sains sosial, sebagaimana menurut sebilangan para sarjana yang telah dijelaskan.

Dari segi kawasan kajian pula, kajian ini hanya memberi tumpuan terhadap SMK di Negeri Melaka sahaja. Pada peringkat pertama, pengkaji telah membahagikan Negeri Melaka kepada tiga daerah berdasarkan lokasi mengikut Majlis Perbandaran Kerajaan Tempatan, iaitu Daerah Melaka Tengah, Alor Gajah dan Jasin. Pada peringkat kedua, pengkaji memilih sembilan buah SMK daripada 60 buah sekolah seluruh negeri Melaka. Sebanyak tiga buah sekolah dari setiap daerah, iaitu daerah Melaka Tengah, Jasin dan Alor Gajah (Data Pendidikan JPNM, 2019).

Kesahan (*Validity*) dan Kebolehpercayaan (*Reliability*) Data

Menurut Ward Mitchell Cates (1990), Khalid Johari (2003), kesahan (*validity*) bermaksud setakat mana sesuatu alat itu melaksanakan fungsinya sebagaimana semestinya. Manakala menurut John W. Best dan James V. Kahn (2006), kesahan (*validity*) merujuk kepada sejauh mana keterangan dan teori yang digunakan menyokong keputusan dapatan kajian yang dikemukakan oleh penggunaan item ujian yang dicadangkan. Bagi memastikan kesahan (*validity*) instrumen kajian yang digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan Kriteria-Berkait Keterangan (*Criterion-Related Evidence*) iaitu melalui sekumpulan pakar rujuk (*expert judgment*) yang telah dilantik.

Manakala kebolehpercayaan (*reliability*) menurut Khalid (2003), Ward Mitchell Cates (1990) merujuk kepada ketekalan alat kajian untuk mengukur pemboleh ubah yang dikaji bagi melahirkan skor yang setara. Menurut Kerlinger (1964), pula kebolehpercayaan (*reliability*) kajian mestilah menepati kesahannya berdasarkan darjah kesesuaian dan keyakinan terhadap alat pengukur yang mempunyai ciri-ciri kestabilan, konsistensi, keramalan dan ketepatan sesuatu hasil kajian. Menurut John dan James (2006), kebolehpercayaan (*reliability*) ialah satu ujian yang boleh dipercayai sejauh mana ia mengukur secara tekal, ujian yang mempunyai kebolehpercayaan pekali yang tinggi serta ralat pengukuran telah dikurangkan kepada minimum. Oleh itu memandangkan, instrumen soal selidik yang dibina oleh pengkaji menggunakan nilai lima skala linkert (*linkert scale*) dengan data ordinal, maka pengkaji menggunakan kebolehpercayaan (*reliability*) pemerhati atau penilaian pakar terhadap item yang telah dibina (Ghazali dan Sufean, 2018). Untuk kebolehpercayaan instrumen kajian

pengkaji melihat nilai *Cronbach's Alpha* (α) melalui bantuan IBM SPSS versi 21 untuk menilai pekali kolerasi koefisien.

Analisis Normaliti Data Kajian Rintis (*Pilot Study*)

Analisis normaliti data telah dilakukan bagi semua pemboleh ubah yang dikaji bagi memastikan taburan data bagi semua pemboleh ubah adalah normal dan sah bagi tujuan analisis statistik. Kenormalan data boleh disemak dengan perisian SPSS melalui beberapa cara, seperti ujian kenormalan Kromogorov-Smirnov (KS) dan Shapiro-Wilk (SW), nilai *skewness*, *kurtosis*, histogram, *stem and leaf*, *boxplot*, *Q-Q plot* atau *P-P plot* (Othman, 2017). Penentuan berdasarkan kaedah *skewness* dan *kurtosis* perlu berada dalam julat ± 1.96 pada $p > .05$ (data bertaburan menghampiri normal (parametrik) atau $p < .05$ (data tidak bertaburan secara normal (bukan parametrik) pada aras keyakinan 95% atau aras signifikan 0.05 (Othman, 2017). Menurut George dan Mallery (2010) dan Othman Talib (2017), sebarang nilai skor z bagi *skewness* dan *kurtosis* yang berada dalam julat ± 2.5 boleh diterima sebagai memenuhi syarat kenormalan kerana menghampiri graf normal. Jadual 1, menunjukkan nilai SW bagi keseluruhan item kajian tidak signifikan, iaitu 0.072, menunjukkan $p > 0.05$ yang membawa maksud kenormalan skor-skor tersebut tidak berbeza dengan kenormalan populasi. Oleh itu, skor tersebut memenuhi syarat kenormalan data.

Jadual 1: Jadual Ujian SW Normaliti Data Kajian Rintis (*Pilot Study*)


		Responden	<i>Kolmagorov-Sminov</i>			<i>Shapiro-Wilk</i>		
Data	Kajian		Statistik	<i>df</i>	Sig.	Statistik	<i>df</i>	Sig.
Keseluruhan		30	0.126	30	0.200	0.936	30	0.072

Manakala, jadual 2 menunjukkan nilai *skewness* berada pada 0.68 dan *kurtosis* pula pada 1.12. Kedua-dua indikator ini menunjukkan nilai *skewness* dan *kurtosis* yang berada dalam julat ± 2.5 , membuktikan bahawa data kajian ini adalah bertaburan secara normal.

Jadual 2 Jadual Normaliti Data Kajian Rintis (*Pilot Study*)

		Responden	<i>Skewness</i>		<i>Kurtosis</i>	
Data	Kajian		Statistik	Std. Error	Statistik	Std. Error
Keseluruhan		30	0.289	0.427	-0.931	0.833
Pengiraan			<i>Skewness/SE</i> = 0.68		<i>Kurtosis/SE</i> = -1.12	

Manakala, taburan data yang ditunjukkan melalui *Q-Q plot* juga menunjukkan taburan data berada pada tahap normal sebagaimana rajah 3.



Rajah 2 Q-Q Plot Data Keseluruhan Kajian Rintis (*Pilot Study*)

Titik berada berhampiran dengan garis lurus pada rajah di atas menunjukkan data kajian adalah normal. Berdasarkan analisis normaliti data, menggunakan *Shapiro-Wilk* (SW), *Skewness*, *Kurtosis* dan Q-Q Plot di atas menunjukkan semua data kajian bertaburan secara normal.

Dapatan dan Perbincangan Kajian

Jadual 3, menunjukkan analisis deskriptif. Pemboleh ubah jantina menunjukkan jumlah responden lelaki dan perempuan, iaitu masing-masing 23.3% bagi lelaki dan 76.7% perempuan. Responden perempuan mendominasi kajian berbanding lelaki. Agihan borang diberi kepada semua guru yang mengajar di tingkatan satu atau dua mengikut data bilangan guru yang diberi oleh SPI JPN Melaka. Semasa kajian ini dijalankan, data guru yang dibekalkan oleh JPNM secara keseluruhan guru yang mengajar di SMK seluruh negeri Melaka berjumlah 1400 orang guru lelaki dan 3799 orang guru perempuan (JPNM, 2018). Memandangkan data keseluruhan guru Negeri Melaka menunjukkan jumlah guru perempuan lebih ramai daripada guru lelaki, sudah sewajarnya setiap sekolah yang dikaji juga akan menunjukkan bilangan guru perempuan lebih ramai daripada guru lelaki.

Dari segi umur yang terlibat dalam kajian ini, lingkungan umur antara 41-50 paling ramai iaitu 46.7%, diikuti kumpulan umur 31-40 tahun sebanyak 33.3% dan paling sedikit lingkungan umur bawah 30 tahun iaitu 6.7%. Sekiranya dihipunkan kumpulan umur antara 31 hingga 50 tahun seramai 24 orang atau sebanyak 80%. Data tersebut menunjukkan GPI yang berumur antara 31 hingga 50 tahun mendominasi kajian ini, kerana lingkungan umur inilah yang paling ramai berada di sekolah. Manakala dari segi kematangan membuat pilihan, lingkungan umur tersebut telah mencapai tahap kematangan kerana mereka telah lama berada dalam sistem pendidikan dan terlibat dengan sukatan KBSM dan juga sukatan KSSM untuk PI.

Manakala dari segi pengalaman mengajar pula, mereka yang mengajar antara 11 hingga 15 tahun paling ramai terlibat dengan kajian ini, iaitu sebanyak 36.7%, diikuti mereka yang berpengalaman antara 16-20 tahun sebanyak 26.7% dan 16.7% datangnya dari mereka yang

berpengalaman antara 21 hingga 25 tahun. Sekiranya dihimpunkan, mereka yang berpengalaman antara 11 hingga 25 tahun seramai 24 orang atau sebanyak 81.1% merupakan kumpulan paling ramai yang menjawab soalan kajian. Sekiranya diteliti kumpulan umur dengan kumpulan pengalaman mengajar, dapatan menunjukkan sama dari segi jumlahnya. Keadaan ini menunjukkan bahawa, data yang dikumpulkan adalah data yang betul.

Manakala bagi lokasi sekolah yang dikaji sebanyak 66.7% responden atau seramai 20 orang mengajar di pinggir bandar, manakala 33.3% responden atau seramai 10 orang mengajar di bandar. Hal ini berlaku kerana, sekolah-sekolah di Melaka berada di pinggir bandar lebih banyak berbanding di bandar. Oleh sebab itu, dapatan menunjukkan sekolah pinggir bandar lebih banyak bilangannya berbanding bandar. Tambahan pula kebanyakan sekolah di pinggir bandar mempunyai jumlah guru mengajar pendidikan Islam yang ramai berbanding sekolah bandar, kebanyakannya merupakan sekolah *muballigh* dan dari segi bilangan pelajar muslim dan bukan muslim agak seimbang, bahkan ada yang sesetengah sekolah, pelajar bukan muslim lebih ramai.

Oleh itu, bilangan guru Pendidikan Islam berkurangan di sekolah *muballigh* kerana bilangan pelajar Muslimnya yang kurang. Konstruk terakhir yang dikaji ialah konsep *maqāṣid al-shari'ah* dalam DSKP merupakan KBAT. Dapatan terhadap konstruk tersebut menunjukkan seramai 29 orang responden atau 96.7% menyatakan bahawa konsep *maqāṣid al-shari'ah* dalam DSKP adalah KBAT dan bersetuju dengan pernyataan pengkaji berkaitan tentang konsep *maqāṣid al-shari'ah* merupakan KBAT. Hanya seorang sahaja responden yang tidak bersetuju tentang konsep *maqāṣid al-shari'ah* merupakan KBAT dalam DSKP Pendidikan Islam.

Jadual 3 Pemboleh Ubah Demografi, Cara Memperolehi KBAT Serta Konsep *MS* Dalam DSKP

Bil.	Konstruk	Keterangan	Bilangan	Peratus
1.	Jantina	Lelaki	7	23.3
		Perempuan	23	76.7
		Bawah 30 tahun	2	6.7
2.	Umur	31-40 tahun	10	33.3
		41-50 tahun	14	46.7
		51 tahun ke atas	4	13.3
3.	Pengalaman mengajar	10 tahun	3	10.0
		11-15 tahun	11	36.7
		16-20 tahun	8	26.7
		21-25 tahun	5	16.7
		26 tahun ke atas	3	10.0
4.	Tingkatan yang diajar	Tingkatan 1	20	66.7
		Tingkatan 2	10	33.3
5.	Lokasi sekolah	Bandar	10	33.3
		Pinggir Bandar	20	66.7
6.	Konsep <i>maqāṣid al-shari'ah</i> dalam DSKP adalah KBAT	Ya	29	96.7
		Tidak	1	3.3

Selain itu, jadual 4 menjelaskan nilai *cronbach's alpha* (α) bagi setiap konstruk yang diuji. Konstruk kefahaman konsep *maqāsid al-shari'ah* dalam DSKP Pendidikan Islam mengandungi sebanyak 18 item dengan nilai *cronbach's alpha* (α) 0.95. Begitu juga dengan konstruk kefahaman KBAT dalam DSKP Pendidikan Islam mengandungi sebanyak 18 item dengan nilai *cronbach's alpha* (α) juga 0.95. Menurut pendapat Carmines dan Zeller (1979), Mohd. Majid (2005) serta Nunally dan Bernstein (1994) pentafsiran pekali kebolehppercayaan yang boleh diterima mengikut pengamal penyelidikan dalam sains sosial ialah lebih daripada 0.60. Oleh itu kesemua 36 item dengan 2 konstruk boleh digunakan untuk kajian lapangan.

Jadual 4: Nilai *Cronbach's Alpha* (α) Bagi Setiap Konstruk

Konstruk	Bilangan item	Cronbach's alpha
Kefahaman konsep <i>maqāsid al-shari'ah</i> dalam DSKP Pendidikan Islam	18	0.95
Kefahaman KBAT dalam DSKP Pendidikan Islam	18	0.95

Jadual 5, pengkaji menggunakan analisis secara deskriptif. Seramai 30 orang responden terlibat. Skor min yang diperoleh untuk pemboleh ubah kefahaman guru tentang konsep *MS* dalam DSKP Pendidikan Islam adalah tinggi pada (min = 4.32) dan rendah pada (sisihan piawai = 0.45). Manakala konstruk kefahaman KBAT dalam DSKP Pendidikan Islam adalah tinggi pada (min = 4.33) dan rendah pada (sisihan piawai = 0.49). Hasil dapatan kajian ini menunjukkan, tahap kefahaman GPI terhadap KBAT berada pada tahap tinggi, tinggi sedikit daripada dapatan kajian yang telah dijalankan oleh Muhammad Talhah, Mohd Aderi dan Ahmad Marzuki (2018) (min = 4.04). Dapatan kajian ini berbeza dengan dapatan dari kajian Hasmaliza (2016) yang menunjukkan tahap pemahaman guru terhadap KBAT di sekolah menengah pada tahap yang sederhana. Begitu juga kajian yang telah dijalankan oleh Mohamad Zaidir dan Kamisah (2017) menjelaskan tahap pemahaman guru berada diparas sederhana iaitu min = 3.43. Daripada dapatan kajian tersebut, menunjukkan, guru-guru memberikan respons yang sederhana dan positif terhadap pelaksanaan KBAT. Namun, dalam kajian ini, pemahaman guru dilihat baik dan meningkat berbanding kajian lepas.

Walaupun kewujudan konsep *MS* tidak nyata, sebagaimana kewujudan KBAT, tetapi guru masih mampu untuk memahami konsep *maqāsid al-shari'ah* dalam DSKP. Sekiranya, penerangan konsep *maqāsid al-shari'ah* dijadikan salah satu daripada bidang dalam organisasi kandungan, sudah tentu ia akan memberi implikasi yang lebih baik kepada guru yang mengajar dan pelajar yang belajar. Dapatan tersebut disokong oleh dapatan pada bahagian A pada soalan A6, menunjukkan seramai 29 orang responden bersetuju menyatakan bahawa konsep *maqāsid al-shari'ah* dalam DSKP adalah KBAT. Oleh itu, DSKP PI perlu di semak semula oleh pihak yang berkepentingan seperti Bahagian Kembangan Kurikulum, KPM agar dapat memasukkan tajuk khusus menerangkan tentang konsep *maqāsid al-shari'ah* dalam DSKP sebagai salah satu tajuk yang perlu dijelaskan oleh guru agar dapat difahami oleh pelajar.

Jadual 5: Nilai Min dan Sisihan Piawai Bagi Setiap Konstruk

Konstruk	Bilangan item	Min	Interpretasi	Sisihan piawai	Interpretasi
Kefahaman konsep <i>maqāṣid al-shari'ah</i> dalam DSKP Pendidikan Islam	18	4.32	Tinggi	0.45	Rendah
Kefahaman KBAT dalam DSKP Pendidikan Islam	18	4.33	Tinggi	0.49	Rendah

Jadual 6 pula, pengkaji menggunakan analisis secara deskriptif. Ujian pertama menunjukkan nilai Sig bagi ujian *Leven's* ialah 0.570 untuk konstruk kefahaman konsep *maqāṣid al-shari'ah* dalam DSKP Pendidikan Islam dan 0.753 untuk konstruk kefahaman KBAT dalam DSKP Pendidikan Islam. Nilai tersebut lebih besar daripada 0.05. Ini bermaksud varian bagi kedua-dua kumpulan ini adalah sama. Jika varian sama, maka dua kumpulan min iaitu jantina lelaki dan perempuan berada dalam populasi yang sama. Oleh itu ujian-*t* boleh dijalankan untuk kajian ini.

Jadual 6: Ujian *Laven's*

Konstruk	<i>Leven's Test for quality of variance</i>	
	F	Sig.
Kefahaman konsep <i>maqāṣid al-shari'ah</i> dalam DSKP Pendidikan Islam	0.330	0.570
Kefahaman KBAT dalam DSKP Pendidikan Islam	0.101	0.753

Apabila diuji menggunakan ujian-*t* seperti mana jadual 7, didapati nilai Sig yang diperolehi ialah 0.55 bagi konstruk kefahaman konsep *maqāṣid al-shari'ah* dalam DSKP Pendidikan Islam dan 0.80 untuk konstruk kefahaman KBAT dalam DSKP Pendidikan Islam. Nilai ini lebih besar berbanding nilai 0.05. Jika nilai Sig lebih besar daripada 0.05, ia bermaksud nilai min antara dua kumpulan yang diuji adalah sama atau tidak terdapat perbezaan. Dapatan kajian ini turut disokong oleh kajian yang telah dijalankan oleh Mohd Qhairil dan Azhar Zamri (2018), yang menyatakan guru lelaki dan guru perempuan mempunyai pengetahuan yang tinggi tentang penggunaan enam peta pemikiran dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Mereka mengetahui bagaimana hendak menggunakan enam peta pemikiran sebagai satu alat bantuan mengajar yang efektif dan menyeronokkan pelajar ketika di dalam bilik darjah. Dengan lain perkataan, tahap pengetahuan penggunaan enam topi pemikiran dalam kalangan guru Bahasa Melayu sekolah kebangsaan tidak dipengaruhi oleh jantina.

Begitu juga kajian yang dijalankan oleh Huang dan Zanaton (2019), menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan terhadap tahap kefahaman guru terhadap PAK21 berdasarkan jantina tetapi menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap kefahaman guru terhadap PAK21 berdasarkan pengalaman mengajar. Oleh itu, rumusan yang boleh dibuat, bahawa tidak

terdapat perbezaan kefahaman konsep *maqāṣid al- shari'ah* dalam DSKP Pendidikan Islam dan kefahaman KBAT dalam DSKP Pendidikan Islam antara guru lelaki dan guru perempuan. Oleh itu kedua-dua konstruk tersebut boleh digunakan dalam kajian lapangan.

Jadual 7: Ujian-*t* Faktor Jantina Dengan Konstruk

Konstruk	Jantina	N	Min	<i>sd</i>	<i>df</i>	<i>t</i>	sig
Kefahaman konsep <i>maqāṣid al- shari'ah</i> dalam DSKP Pendidikan Islam	Lelaki	7	4.23	0.40	28	-0.60	0.55
	Perempuan	23	4.34	0.47			
Kefahaman KBAT dalam DSKP Pendidikan Islam	Lelaki	7	4.29	0.60	28	-0.28	0.80
	Perempuan	23	4.35	0.49			

Berdasarkan jadual 8, ujian pertama menunjukkan nilai Sig bagi ujian *Leven's* ialah 0.787 untuk konstruk kefahaman konsep *maqāṣid al- shari'ah* dalam DSKP Pendidikan Islam dan 0.634 untuk konstruk kefahaman KBAT dalam DSKP Pendidikan Islam. Nilai tersebut lebih besar daripada 0.05. Ini bermaksud varian bagi kedua-dua kumpulan ini adalah sama. Jika varian sama, maka dua kumpulan min iaitu lokasi bandar dan pinggir bandar berada dalam populasi yang sama. Oleh itu ujian-*t* boleh dijalankan untuk kajian ini.

Jadual 8: Ujian *Leven's*

Konstruk	<i>Leven's Test for quality of variance</i>	
	F	Sig.
Kefahaman konsep <i>maqāṣid al- shari'ah</i> dalam DSKP Pendidikan Islam	0.074	0.787
Kefahaman KBAT dalam DSKP Pendidikan Islam	0.232	0.634

Apabila diuji menggunakan ujian-*t* seperti mana jadual 9 di bawah, didapati nilai Sig yang diperolehi ialah 0.30 bagi konstruk kefahaman konsep *maqāṣid al- shari'ah* dalam DSKP Pendidikan Islam dan 0.11 untuk konstruk kefahaman KBAT dalam DSKP Pendidikan Islam. Nilai ini lebih besar berbanding nilai 0.05. Jika nilai Sig lebih besar daripada 0.05, ia bermaksud nilai min antara dua kumpulan yang diuji adalah sama, tidak terdapat perbezaan. Oleh itu, rumusan yang boleh dibuat, bahawa tidak terdapat perbezaan kefahaman konsep *maqāṣid al- shari'ah* dalam DSKP Pendidikan Islam dan kefahaman KBAT dalam DSKP Pendidikan Islam antara guru yang mengajar di bandar dan pinggir bandar.

Dapatan kajian ini disokong oleh dapatan kajian yang telah dijalankan oleh Siti Mariam dan Kamisah (2017), menunjukkan bahawa kategori sekolah bukan faktor yang memberi kesan kepada tahap pengetahuan dan kemahiran guru Sains terhadap pemupukan KBAT dalam pembelajaran. Ia juga selari dengan dapatan kajian yang telah dijalankan oleh Nor Hasmaliza (2016) yang menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap pengetahuan dan kemahiran berdasarkan kategori sekolah sekaligus membuktikan bahawa kategori sekolah

bukanlah faktor yang memberi kesan kepada tahap pengetahuan, dan kemahiran guru terhadap pemupukan KBAT. Implikasinya, tahap pengetahuan yang tinggi dalam kalangan guru terhadap KBAT membolehkan mereka melaksanakan pemupukan KBAT dengan sebaiknya. Hal ini kerana keupayaan guru untuk mengembangkan pemikiran murid dapat mencapai matlamat pendidikan yang ditetapkan (Sukiman, Noor Shah dan Mohd Uzi 2012). Oleh itu kedua-dua konstruk tersebut boleh digunakan dalam kajian lapangan.

Jadual 9: Ujian-*t* Faktor Lokasi Dengan Konstruk

Konstruk	Lokasi	N	Min	<i>sd</i>	<i>df</i>	<i>t</i>	sig
Kefahaman konsep <i>maqāṣid al-shari'ah</i> dalam DSKP Pendidikan Islam	Bandar	10	4.50	0.40	28	1.20	0.30
	Pinggir bandar	20	4.30	0.47			
Kefahaman KBAT dalam DSKP Pendidikan Islam	Bandar	10	4.53	0.50	28	1.64	0.11
	Pinggir Bandar	20	4.23	0.47			

Kesimpulan dan Saranan

Pelaksanaan kajian rintis (*pilot study*) merupakan pendedahan sebenar kepada penyelidik untuk meneruskan kajian di lapangan. Proses pelaksanaannya perlu dipatuhi bagi memastikan dapatan yang dilaksanakan menepati prinsip kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi. Dapatan kajian secara keseluruhannya menunjukkan bahawa konsep *maqāṣid al-shari'ah* dan KBAT wujud dalam DSKP PI. Guru-guru yang terlibat juga mempunyai tahap kefahaman konsep *maqāṣid al-shari'ah* dan KBAT yang ada dalam DSKP Pendidikan Islam berada pada tahap tinggi. Selain itu, tidak terdapat perbezaan pengetahuan guru tentang konsep *maqāṣid al-shari'ah* dan KBAT dalam DSKP sama ada berdasarkan jantina mahupun lokasi sekolah. Hal ini menunjukkan bahawa semua pelajar akan mendapat maklumat yang seimbang, sama ada maklumat tersebut disampaikan oleh guru lelaki mahupun perempuan.

Konstruk lokasi sekolah juga tidak memberi sebarang kesan terhadap pengetahuan guru tentang konsep *maqāṣid al-shari'ah* dan KBAT. Oleh itu, hasil kajian rintis ini dapat membentuk instrument dan item kajian yang baik bagi memastikan dapatan yang baik agar boleh digunakan oleh pihak-pihak berkepentingan. Oleh yang demikian, kajian lanjut di lapangan boleh dijalankan dengan menggunakan konstruk dan item yang telah dibentuk. Kajian ini juga memberi pendedahan di samping menambah pengetahuan dan kefahaman lebih luas tentang konsep *maqāṣid al-shari'ah* dan KBAT dalam sistem pendidikan di Malaysia, khususnya Pendidikan Islam.

Rujukan

- Bhasa Abu Bakar. (2007). *Kaedah Analisis Data Penyelidikan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd..
- Hirz Allah, Abdul Qadir. (2005). *Al-Madkhal ila 'Ilmy Maqasid al-Shari'ah minal Usul an-Naṣiyati ila al-Ishkālīyyati al-Mu'aṣarah*. Riyadh: Maktabah al-Rushd Nāshirun.
- Raysuni, Ahmad. (1992). *Nazariyyah al-Maqasid 'Inda al-Imam al-Shatibi*. Cet. ke-2. Riyadh: Darul al-'Alamiyatul Kitabul Islāmiy.
- Kerlinger, F. N.. (1964). *Foundations of Behavioral Research*. 2nd Ed. New York: Holt, Rinehart and Winston.
- Ghazali Darussalam & Sufean Hussin. (2018). *Metodologi Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Hakimi Islamil, 2017. KSSM Bermula 2017, <https://www.utusan.com.my>, dicapai pada 27 Oktober.
- Hazwani Dzul. (2017). Aplikasi Elemen Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) Dalam Pengajaran Pendidikan Islam Sekolah Rendah. Disertasi Sarjana Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Huang, Ji Xiang & Zanaton Iksan. (2019). Kefahaman Guru Sekolah Rendah Daerah Pekan Terhadap Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK21). *International Journal of Modern Education* 1(2),1-12.
- Best, J. W. & Kahn, J. V.. (2006). *Research in Education*. Ed. ke-10. United States of America: Pearson Educations Inc..
- Kamus Dewan*. (2007). Ed. ke-4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamarul Azmi Jasmi, Abdul Halim Tamuri dan Mohd Izham Mohd Hamzah. (2010). Faktor Pentadbir Dan Pengetua Dalam Kecemerlangan Guru Cemerlang Pendidikan Islam Dan Guru Di Sekolah Menengah: Satu Kajian Kes. *Jurnal of Islamic and Arabic Education (JIAE)* 2(1), 13-20.
- Khalid Johari. (2003). *Penyelidikan Dalam Pendidikan Konsep & Prosedur*. Kuala Lumpur: Pearson Malaysia Sdn. Bhd..
- Laman Sesawang Jabatan Pendidikan Negeri Melaka, <https://www.jpnm.moe.gov.my>, dicapai pada 03 Oktober 2018.
- Laman Sesawang Sistem Guru Online, <https://www.sistemguruonline.my>, dicapai pada 03 Oktober 2018.
- Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2015, <https://www.moe.gov.my>, dicapai pada 29 Januari 2018.
- Lim, Chong Hin. (2007). *Penyelidikan Pendidikan Pendekatan Kuantitatif dan Kualitatif*. Shah Alam: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd..
- Maszuria A. Ghani, Mohd Zain Kasnon, Marina Abdul Majid dan Wan Noor Siah Wan Abdullah. (2017). *Falsafah dan Pendidikan di Malaysia*. Petaling Jaya: Sasbadi Sdn. Bhd..
- Mohd. Majid Konting. (2005). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Musnizam Jaafar @ Mustapha, Abdul Halim Tamuri dan Rohiza Ya. (2012). Konsep Berilmu Dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam Satu Keperluan Dalam

- Membangunkan Modal Insan. *Prosiding Seminar Antarabangsa Perguruan dan Pendidikan Islam (SEAPPI 2012)* di Universiti Teknologi Malaysia, Johor pada 8-9 Mac 2012.
- Mohd Nizam Mokhtar & Ridzuan Ahmad. (2018). Peranan Ulamak Silam Dalam Kearifan Tempatan Bagi Memperkenalkan Konsep *Maqāṣid al-Shari'ah* Dalam Kemahiran Berfikir: Satu Analisis. Makalah, *Seminar Hukum Islam Semasa IX (SHIS IX)* Peringkat Kebangsaan, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam di Universiti Malaya pada 19 Disember 2018.
- Mohd Qhairil Anwar Azhar & Zamri Mahamod. (2019). Tahap Perbezaan Pengetahuan, Sikap Dan Amalan Menggunakan Enam Topi Pemikiran Berdasarkan Jantina Dan Pengkhususan Dalam Kalangan Guru Bahasa Melayu Sekolah Kebangsaan. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 8(2) (November 2018), 13-24.
- Mohd Rosdi Mahamud (2009). Mata Pelajaran Pendidikan Islam dan Kesannya Terhadap peningkatan Disiplin Pelajar: Kajian di Sekolah-Sekolah Menengah Kebangsaan Negeri Perlis. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Sains Malaysia.
- Mohd Syaubari Othman dan Ahmad Yunus Kassim. (2021). Pelaksanaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) Dalam Pendidikan Islam Membentuk Penghayatan Akidah di Kalangan Pelajar di Negeri Perak. *UMRAN-International Journal of Islamic and Civilizational Studies* 8(1), 75-86.
- Mohd Syaubari Othman & Ahmad Yunus Kassim. (2018). Kajian Rintis Bagi Pelaksanaan Komposisi Pengajaran Guru Pendidikan Islam Yang Mengintegrasikan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) Menerusi Pendidikan Akidah Sekolah Rendah Di Malaysia. *Attarbawiy Malaysian Online Journal of Education* 2(2), 56.
- Mohamad Nurul Azmi Mat Nor, Nurzatulshima Kamarudin, Umi Kalthom Abdul Manaf dan Mohd Hazwan Mohd Puad. (2017). Penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT): Kesediaan Guru dalam Pengajaran dan Pembelajaran Reka Bentuk dan Teknologi (RBT) di Sekolah Rendah, *International Journal of Education and Training (InJET)* 3(2), 1-7.
- Mohamad Zaidir Zainal Abidin dan Kamisah Osman. (2017). Tahap Pengetahuan, Pemahaman, Kemahiran dan Pelaksanaan Guru Sains Terhadap Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences* 8(1), 97-113.
- Muhammad Talhah Ajmain @ Jima'ain, Mohd Aderi Che Noh, dan Ahmad Marzuki Mohamad. (2018). Tahap Pemahaman dan Kesediaan Pelaksanaan Kemahiran Guru Pendidikan Islam Terhadap Penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) Dalam Pengajaran di Negeri Selangor. *Prosiding Seminar Kebangsaan Penyelidikan Pendidikan*, Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Islam Bangi, Selangor, 23 Oktober 2018.
- Noraini Idris. (2013). *Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Shah Alam: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd..
- Nor Hasmaliza Hasan. 2016. Persepsi Guru Bahasa Melayu Sekolah Menengah Kebangsaan Terhadap Penerapan KBAT Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran. Tesis Sarjana, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Nor Hasmaliza Hasan dan Zamri Mahamod. (2016). Persepsi Guru Bahasa Melayu Sekolah Menengah Terhadap Kemahiran Berfikir Aras Tinggi. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 6(2) (November 2016), 78-90.
- Nur Aida Muhammad (2016). Pengetahuan Guru Pendidikan Islam Mengenai Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dan Strategi Penerapannya Dalam Pengajaran. Disertasi Sarjana Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Othman Talib. (2015). *SPSS Analisis Data Kuantitatif Untuk Penyelidik Muda*. Bandar Baru Bangi: MPWS Rich Publication Sdn. Bhd..
- Program Jom ke Sekolah Diadakan Serentak di Seluruh Negara, <https://www.moe.gov.my>, dicapai pada 25 Mac 2020.
- Rahimi Affandi Abdul Rahim, Paizah Ismail & Idris Awang. (2006). Pendekatan Baru Maqāsīd As-Shariah Dalam Pengajian Syariah Di Malaysia. *Jurnal Fiqh* 3 September-Disember, 35-80.
- Siti Mariam Zazam & Kamisah Osman. (2018). Pengetahuan dan Kemahiran Guru Sains Sekolah Rendah Terhadap Pemupukan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) Dalam Pembelajaran. *Conference 9th Social Sciences Postgraduate International Seminar (SSPIS2017)*, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, November 2017.
- Sukiman Saad, Noor Shah Saad & Mohd Uzi Dollah. 2012. Pengajaran Kemahiran Berfikir: Persepsi dan Amalan Guru Matematik Semasa Pengajaran dan Pembelajaran Di Bilik Darjah. *Jurnal Pendidikan Sains & Matematik Malaysia* 2(1), 18-35
- Tajul Ariffin Nordin. (1990). *Pendidikan Satu Pemikiran Semula*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ward Mitchell Cates. (1990). *Panduan Amali Untuk Penyelidik Pendidikan*. Terj. Syaharom Abdullah. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Yuslina Mohamed, Basha Abu Bakar, Farizan Puteh Behak & Ramiaida Darmi. (2018). *Asas Metodologi Penyelidikan Praktikal*. Nilai: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia.
- Zubair Amir Nur Rashid, Nur Mardia Mazri, Mohd Fuad Md Sawari & Noorhidayu Megat Laksamana. (2019). Aplikasi Maqasid Syariah Dalam Sistem Pendidikan Di Malaysia: Pembelajaran Abad Ke-21. *International Journal of Business, Economics and Law* 18(6), 81.